



KENYATAAN MEDIA


PERKHIDMATAN KEBOMBAAN DIPERKASA MELALUI TIGA (3) NOTA PERSEFAHAMAN (NOU) & KONTRAK YANG DITANDATANGANI SEMPENNA PAMERAN MARITIM DAN AEROSPACE ANTARABANGSA LANGKAWI (LIMA) 2023

LANGKAWI, 25 Mei 2023 – Sempena Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2023, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) hari ini telah memeterai tiga (3) Nota Persefahaman (NoU) bagi perkongsian pintar dengan pihak Kementerian Pengangkutan melalui Biro Siasatan Kemalangan Udara (AAIB), Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JKOA) dan Kementerian Kerja Raya melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

Ketiga-tiga NoU ini merangkumi kerjasama strategik berkaitan Perkhidmatan Helikopter *Emergency Medical Air Ambulance Rescue Service* (EMARS) yang merupakan perkhidmatan bantuan pengangkutan perubatan melalui udara dan pengurusan bencana dengan fokus khusus kepada bantuan perubatan dan pemindahan pesakit termasuk komuniti luar bandar serta pengurusan kemalangan jalan raya di lebuhraya utama di Malaysia.

Selain itu, perkongsian ini juga bertujuan untuk meningkatkan kecekapan agensi-agensi terlibat dalam mengendalikan insiden bencana udara dan bidang yang berkaitan selain memperkukuhkan lagi aspek keselamatan awam dan keupayaan tindak balas bencana. Ia merupakan langkah strategik dalam memastikan tindak balas kecemasan dapat dilaksanakan dengan lebih profesional serta memberikan impak yang positif terhadap mutu perkhidmatan kecemasan di Malaysia.


'CEPAT DAN MESRA'



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO QMS 02101



CERTIFIED TO ISO 37001:2016
CERT. NO ABMS 00216



PEMENANG
ANUGERAH
EMAS AIGA 2022

Majlis menandatangani dokumen-dokumen NoU tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha KPKT, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya dan Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah disaksikan oleh Timbalan Menteri KPKT dan Timbalan Menteri Pengangkutan serta tetamu jemputan pimpinan Kerajaan, pemain-pemain industri, pegawai tinggi Kerajaan, dan pengurusan tertinggi kementerian dan organisasi berkaitan.

Jalinan kerjasama dua hala ini menggabungkan kepakaran dan sumber daripada kementerian-kementerian yang terlibat iaitu Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dan Kementerian Pengangkutan serta turut melibatkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai pemegang taruh (*stakeholder*) utama dalam perkhidmatan perubatan kecemasan dan pengurusan bencana dan disokong penuh dari JBPM.

Pihak-pihak yang terlibat amat positif bahawa kolaborasi strategik rentas kementerian ini berjaya meningkatkan kecekapan dan keberkesanan bukan sahaja dalam pengurusan insiden bencana udara malah ia dapat mempercepatkan proses penyiasatan yang menyeluruh terhadap kemalangan penerbangan, meningkatkan pelaksanaan langkah keselamatan dan pembangunan protokol atau *standard operating procedures* (SOP) terkini untuk tindak balas kecemasan dan operasi evakuasi perubatan. Selain itu, bidang kerjasama yang digariskan turut merangkumi pembangunan program latihan menyeluruh bagi kakitangan perubatan dan pasukan kecemasan serta pelaksanaan penggunaan peralatan perubatan dengan teknologi terkini di helikopter EMARS.

Pada majlis sama, JBPM dan Syarikat AIROD Sdn. Bhd. turut menandatangani kontrak bagi penyelenggaraan bagi empat (4) buah helikopter milik JBPM model Mi-17-IV/Mi-171 yang bernilai RM52.9 juta. Kontrak selama tiga (3) tahun iaitu dari 2023 hingga 2026 ini adalah melibatkan bekalan alat ganti pesawat dan kemudahan sewaan fasiliti bagi memastikan keupayaan operasi bagi pesawat JBPM berada pada tahap yang paling optimum.

Di bawah obligasi kontrak tersebut, Airod Sdn Bhd akan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan berkala, pemeriksaan, pembaikan, dan penambahbaikan untuk memastikan *serviceability, availability dan readiness* operasi helikopter JBPM sentiasa di tahap terbaik. Bekalan penggantian bahagian pesawat berkualiti tinggi akan memastikan ketersediaan komponen penting yang diperlukan bagi memastikan pengoperasian pesawat terjamin. Selain itu, kontrak ini juga merangkumi penyediaan sewaan fasiliti hangar dan bangunan yang membolehkan kelangsungan operasi yang berterusan oleh pihak JBPM.

Disediakan oleh:

Bahagian Pengurusan Korporat, JBPM

25 MEI 2023